

AMINUDDIN BAKI BAPA PELAJARAN
MELAYU MODEN

DISUSUN OLEH
KAPT. M.A. FAWZI BASRI
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



GPMS itu ialah Aminuddin Baki, Abd Wahab Arif ⁽¹⁾, Mohd Nor Marahakim ⁽²⁾, Abdullah Majid ⁽³⁾ dan Siti Hasmah Mohd Ali ⁽⁴⁾. Mereka ini bertanggungjawab menganjurkan satu konvesyen Persatuan Pelajar-pelajar Melayu dari 5 buah negeri dan Maktab-maktab Teknik dan Pertanian ⁽⁵⁾. Konvesyen itu diadakan di Maktab Teknik Kuala Lumpur pada 14 dan 15 Ogos 1948. Dari konvesyen inilah seluruh pelajar-pelajar Melayu berpendapat "perlunya disatukan seluruh pelajar-pelajar Melayu "melalui GPMS. Maka pada tarikh tersebut dizahirkan secara rasmi penubuhan GPMS (Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung). GPMS menjadi pertubuhan belia-pelajar kebangsaan yang pertama bagi negara ini.

Dalam bulan Oktober 1949, Aminuddin Baki menyambung semula pelajaran di Kolej Raffles yang ditingkatkan taraf dan dinamakan sebagai Universiti Malaya. Beliau telah lulus dengan Ijazah Sarjana Muda Sastera (B.A.) dalam tahun 1950.

Aminuddin Baki mempunyai rekod pelajaran yang cemerlang, beliau telah dianugerah hadiah pelajaran *Queen's Scholarship* dan kemudiannya sebagai *Queen's Fellow* iaitu untuk melanjutkan pelajaran di peringkat kepujian dan ijazah *Master of Methods* di Universiti London.

Sejarah *Malayan Union* dicabar oleh orang Melayu, Aminuddin Baki menyertainya melalui politik pelajar. Ketertinggalan orang Melayu dan sikap-sikap negatif mereka sentiasa menjadi perhatiannya. Malah latihan ilmiah beliau sendiri ialah tentang "Hamba Abdi Di Negeri Perak di abad ke - 19."

KERJAYA

Setelah tamat belajar di Universiti London, Aminuddin Baki memasuki perkhidmatan pelajaran sebagai pensyarah di Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) Tanjung Malim. Kemudian beliau bertugas sebagai Ketua Penolong Setiausaha di Kementerian Pelajaran kemudian beliau menjadi Ketua Pegawai Pelajaran Negeri Sembilan dan Selangor. Dalam tahun 1961 pada ketika usianya 36 tahun Aminuddin Baki dilantik sebagai Ketua Penasihat Pelajaran. Akhirnya pada 24hb Disember 1965 "Encik Aminuddin Baki Ketua Penasihat Pelajaran Malaysia yang pertama telah meninggal dunia di rumahnya dengan secara mengejut. Beliau kelihatan sihat dan datang ke pejabat seperti biasa pagi tadi..... Beliau telah pergi ke pasar bersama-sama isteri dan anak-anaknya pukul empat petang tadi, dan sekembalinya dari pasar, dia telah menunaikan fardhu 'Asar dan meninggal dunia tidak lama kemudian." (*Utusan Melayu*).

AMINUDDIN DAN PENDIDIKAN

Aminuddin Baki menjadikan pendidikan sebagai medan perjuangan untuk berbakti kepada bangsa dan negara. Kemajuan dalam bidang pelajaran Melayu dalam tahun-tahun lima puluhan dan enam puluhan, sebahagian besarnya adalah hasil fikiran dan usaha beliau.

1. Beliau berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan dan mengakhiri kerjayanya sebagai Dekan Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau telah dianugerahkan bintang kebesaran Brunei yang membawa gelaran Datuk Paduka dan dianugerahkan jawatan Profesor oleh Universiti Kebangsaan Malaysia.
2. Datuk Prof. Dr. Mohd. Nor Marahakim kini bertugas sebagai Ketua Jabatan Oftalmologi Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia.
3. Pernah menjadi Timbalan Menteri dalam Kabinet Tun Abdul Razak.
4. Siti Hasmah Mohd. Ali ialah isteri kepada Datuk Seri Mahathir Mohamad Perdana Menteri Malaysia.
5. Pada masa ini dikenali sebagai Universiti Teknologi dan Universiti Pertanian Malaysia.

**PUSAT SUMBER
INSTITUT AMINUDDIN BAKI**

Aminuddin Baki mempunyai pengalaman yang luas dan menduduki hampir keseluruhan Jawatankuasa Mengkaji Sistem Pelajaran sebelum dan selepas merdeka, iaitu:—

Jawatankuasa Menyasat Mogok MPSI (SITC) 1950

Jawatankuasa Barnes tahun 1951

Jawatankuasa Razak tahun 1956

Jawatankuasa Rahman Talib tahun 1960

Jawatankuasa Kerajaan Menyasat Kelemahan Murid-murid Melayu Di Dalam Memasuki Sekolah-sekolah Menengah.

Jawatankuasa Merancang Pelajaran Tinggi

Jawatankuasa Pelajaran Aneka Jurusan.

Menurut Omar Hashim (*Dewan Masyarakat, Jan 1966*) Semenjak merdeka banyak perubahan berlaku di dalam sistem pendidikan, termasuklah perletakan asas pendidikan nasional, pertambahan pelajar, pelajaran percuma untuk kanak-kanak di bawah umur 15 tahun, pendidikan aliran perantaraan Bahasa Kebangsaan, perluasan dalam pelajaran teknik, penyusunan semula latihan perguruan dan memperkenalkan sistem Aneka Jurusan sejak tahun 1964. "Di dalam sistem pendidikan ini Aminuddin Baki memegang pelaku utama sebagai penasihat penggerak daya usaha dan penyumbang idea."

Aminuddin Baki bertanggungjawab terhadap pertambahan pelajar aliran kebangsaan dari 500 orang dalam tahun 1958 menjadi 50,000 dalam tahun 1965, pembinaan sekolah menengah kebangsaan, permulaan peperiksaan LCE, MCE dan HSC dalam bahasa pengantar Melayu. Dalam tahun 1963 Aminuddin Baki bertanggungjawab terhadap penubuhan Joint Examination Board.

Aminuddin Baki amat cekal dalam membela bangsanya. Mukaddimah GPMS, "hina muka, kaya miskin sesuatu bangsa terletak pada bangsa itu sendiri." Pelajaran adalah asas kemajuan bangsa. Untuk itu di samping kesibukan tugasnya Aminuddin Baki berkesanggupan menjayakan siri 'Gerakan Obor' yang disiarkan oleh Radio Malaysia. Pandangan dan idea Aminuddin telah dapat menyerlah kesedaran pentingnya pelajaran kepada bangsa dan negara.

AMINUDDIN BAKI DAN SEJARAH

Aminuddin Baki tidak mensia-siakan ilmu sejarah yang dipelajarinya, sejarah telah memberikan kesedaran kepadanya. Sejak tahun 1953 Aminuddin Baki mempunyai ideanya yang tersendiri, hal ini dapat diikuti dari dokumen peribadi beliau, idea Aminuddin itu telah diterbitkan oleh Arkib Negara baru-baru ini di atas judul *The National School of Malaya: Its problems, proposed curriculum and activities*. Menurut Aminuddin Baki sejarah adalah amat *conducive* kearah membina warganegara yang baik. Malah motif pengajaran sejarah seharusnya berasaskan motif moral dan budaya. Berikut diturunkan petikan idea beliau itu:

Firstly, the main emphasis of study should be on Malaya. In treating any topic particular attention should be paid to the social and economic history of the country so as to show cultural interdependence of the Malayan races and also to enable the children to appreciate how co-operation and harmony among races has been instrumental in shaping the present-day economy of the country. The political history should be carefully treated because if wrongly emphasized it will expose the conflicting and discriminatory past of the country.

Walaupun Aminuddin menekankan kepentingan pembelajaran sejarah negara, namun sumbangan pihak lain tidak pula patut dilupakan. Seperkara yang pasti ialah pengajaran sejarah mestilah mengikut *point of view* warganegara Malaysia. "Even if the history of Malaya is mentioned it dates only from the time of British expansion into the country as if the country has never existed before then." (*The National School of Malaya, hal. 13*).

Aminuddin mahukan silabus sejarah dapat memberikan pelajar yang berumur 12 tahun ke bawah pengetahuan asas mengenai negara ini dulu dan sekarang. Di peringkat sekolah menengah perlu menekankan sejarah negara dalam hubungannya dengan negara-negara Asia dan rantau yang lainnya.

Dalam idea beliau melaksanakan sistem kebangsaan bagi sekolah-sekolah, Aminuddin menegaskan objektif tersebut akan hanya dapat dicapai melalui usaha bersama, saling bergantung kurikulum, buku teks, guru, kegiatan extra-curricular, dan tidak kurang juga ibu bapa dan masyarakat.

Aminuddin memang yakin sekali dengan konsep 3R atau 3M, malah beliau mencadangkan ditambah satu lagi menjadi 4R, iaitu di samping membaca, menulis dan mengira satu lagi ialah hubungan kemanusiaan (human relation) iaitu pengajian dan amali hidup berbagai bangsa.

PENUTUP

Aminuddin bergiat cergas dalam Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) selaku Pengerusi Jawatan-kuasa Kerja PSM. Sumbangan dan bakti Aminuddin Baki tiada taranya, Prof Wang Gang Wu (*Straits Times, Dis. 1965*) mensifatkan kematian Aminuddin Baki sebagai satu kehilangan yang besar kepada negara, "sebagai di antara graduan yang awal lulus Pengajian Sejarah dengan kepujian dari Universiti Malaya, beliau sentiasa mempunyai cinta yang istimewa terhadap persejaraan negara kita. Maka patut benar beliau mendapat tempat terhormat bila sejarah kita ditulis nanti."

Atas kesedaran itu dan mengenang jasa serta pengurbanan beliau, rakan-rakannya serta pendokong cita-cita menubuhkan *Yayasan Aminuddin Baki*. Yayasan Aminuddin Baki digerakkan oleh GPMS, sokongan yang berapi di masa penubuhannya kini mati kaku di celah-celah keagungan yayasan-yayasan yang lainnya. Yayasan Aminuddin yang dahagakan tabungan yang setara dengan Queen Scholarship kini menempuh saat-saat survival, jika tidak kerana GPMS yang menjadi sekretariatnya, Yayasan Aminuddin Baki pasti hancur bagaikan mengikuti kehancuran tulang-tulang penamanya yang telah pergi itu. Demikian secebis kisah menyayat dari serpihan keagungan seorang anak watan yang berjasa.

Aminuddin Baki seorang yang kuat beribadat, sejarah Islam menjadi sumber kekuatan dirinya. Agama Islam dianutinya sebagai medan membimbing manusia untuk dunia dan akhirat. Menurut Aminuddin lagi "agama dijunjung tamaddun dipimpin." Justeru kerana Aminuddin Baki telah kembali ke Rahmatullah, tentu sekali kita sebagai orang yang menyanjung dan mengingat jasa dan baktinya sentiasa mendoakan semoga roh Allahyarham ditempatkan dalam golongan orang beriman dan di tempat yang sejahtera.

Kuiz Sejarah 'Sekolah-sekolah Malaysia adalah satu program mengingati Aminuddin Baki. YAB Dato' Seri Mahathir Mohamad sendiri menghadiahkan sebuah piala rebutan mengambil sempena nama tokoh pendidikan negara yang agung itu.

Kepada GPMS dan warganegara yang mencintai negara ini Aminuddin Baki meninggalkan kata-kata keramatnya supaya jangan berlaku nanti "Ayam di kepok mati kelaparan, itik di air mati kehausan..... Belajar terus Belajar."

**PUSAT SUMBER
INSTITUT AMINUDDIN BAKI**

Dususun oleh
Kapt M.A. Fawzi Basri
Universiti Kebangsaan Malaysia